



**KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI
TUN HUSSEIN ONN**

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER I
SESI 2006/2007**

NAMA MATA PELAJARAN : EKONOMI
KOD MATA PELAJARAN : BPA 1013
KURSUS : 1 BPA / 1 BPB / 1 BPC
TARIKH PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2006
JANGKA MASA : 2 JAM
ARAHAN :
BAHAGIAN A : JAWAB **DUA** (2) SOALAN
DARIPADA EMPAT (4) SOALAN
BAHAGIAN B : JAWAB **TIGA** (3) SOALAN
DARIPADA LIMA (5) SOALAN

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 6 MUKA SURAT

BAHAGIAN A : (10 markah)Jawab **DUA** soalan sahaja.

- S1 Industri bunga orkid merupakan industri pasaran sempurna dan semua penanam orkid mempunyai keluk kos yang sama. Harga bunga orkid di pasaran ialah RM25 sejangk dan semua penanam memaksimumkan untung dengan mengeluarkan 2 000 jambak seminggu. Kos purata mengeluarkan bunga orkid ialah RM20 sejangk dan kos berubah purata ialah RM15 sejangk. Paling minimum, kos berubah purata boleh turun kepada RM12 sejangk.
- (a) Hitung untung ekonomi dalam jangka pendek. (2 markah)
- (b) Nyatakan harga pada tahap kos berubah purata paling minimum. (1 markah)
- (c) Hitung untung setiap penanam orkid pada tahap kos berubah paling minimum. (2 markah)
- S2 Jadual 1 menunjukkan Pendapatan Negara (Y), Perbelanjaan Penggunaan (C), Tabungan (S), Perbelanjaan Pelaburan (I) dan Permintaan Agregat di Negara Bayu.

Jadual 1 : Pendapatan dan Perbelanjaan Agregat.

Y	C	S	I
0	40	(40)	120
80	80	0	120
160	120	40	120
240	160	80	120
320	200	120	120
400	240	160	120
480	280	200	120

- (a) Hitung keseimbangan Pendapatan Negara dalam ekonomi dua sektor berdasarkan maklumat dalam Jadual 1. (2 markah)
- (b) Nyatakan fungsi perbelanjaan penggunaan untuk ekonomi tersebut. (1 markah)
- (c) Lakarkan graf keseimbangan Pendapatan Negara menggunakan kaedah perbelanjaan agregat. (2 markah)

- S3 Bank XYZ mempunyai deposit sebanyak RM200 000 dan menyimpan sebanyak RM160 000 sebagai rizab. Diandaikan bank lain menggunakan semua lebihan rizab mereka sebagai pinjaman.
- (a) Hitung lebihan rizab (ER) Bank XYZ. (2 markah)
- (b) Hitung dengan menggunakan formula, jumlah wang yang boleh dicipta oleh sistem bank jika kadar keperluan rizab (RR) adalah 30%. (3 markah)
- S4 Jadual 2 menunjukkan keluk permintaan dan penawaran kereta di Malaysia dan Thailand manakala Jadual 3 menunjukkan keluk permintaan dan penawaran kelapa sawit di Malaysia dan Thailand.

Jadual 2 : Keluk Permintaan dan Penawaran Kereta di Malaysia dan Thailand

Harga satu kereta di kedua-dua negara (ribu USD)	Kuantiti Permintaan di Malaysia (ratus kereta)	Kuantiti Penawaran di Malaysia (ratus kereta)	Kuantiti Permintaan di Thailand (ratus kereta)	Kuantiti Penawaran di Thailand (ratus kereta)
0	100	0	100	0
1	90	10	90	25
2	80	20	80	50
3	70	30	70	70
4	60	40	60	80
5	50	50	50	90

Jadual 3 : Keluk Permintaan dan Penawaran Kelapa Sawit di Malaysia dan Thailand

Harga satu tan kelapa sawit (ribu USD)	Kuantiti Permintaan di Malaysia (ribu tan)	Kuantiti Penawaran di Malaysia (ribu tan)	Kuantiti Permintaan di Thailand (ribu tan)	Kuantiti Penawaran di Thailand (ribu tan)
0	100	0	100	0
1	90	40	90	10
2	80	80	80	20
3	70	120	70	30
4	60	160	60	40
5	50	200	50	50

- (a) Andaikan tiada perdagangan antarabangsa. Nyatakan harga dan kuantiti keseimbangan kelapa sawit dan kereta
- (i) di Malaysia.
 - (ii) di Thailand.
- (2 markah)
- (b) Andaikan perdagangan bebas wujud antara Malaysia dan Thailand. Terangkan perubahan yang berlaku terhadap harga dan kuantiti keseimbangan kereta dan kelapa sawit
- (i) di Malaysia
 - (ii) di Thailand
- (2 markah)
- (c) Nyatakan kebaikan yang diperoleh Malaysia dan Thailand daripada perdagangan antarabangsa.
- (1 markah)

BAHAGIAN B : (30 markah)

Jawab **TIGA** soalan sahaja.

- S5 (a) Guna gambar rajah yang sesuai untuk menerangkan aliran pusingan pendapatan bagi ekonomi empat sektor.
(5 markah)
- (b) Tinjauan tabiat Pengguna Malaysia yang dibuat oleh Global AC Nielsen pada tahun 2005 mendapati bahawa sebanyak 54 peratus penduduk Malaysia menabung lebih tunai mereka manakala 34 peratus lagi memilih untuk membayar hutang.
- (i) Bincangkan kesan tabiat menabung terhadap aliran pusingan pendapatan negara di institusi kewangan.
(3 markah)
- (ii) Sekiranya lebih tunai tidak ditabung dalam institusi kewangan, bincangkan kesan tabungan terhadap aliran pusingan pendapatan.
(2 markah)
- S6 (a) Terangkan dasar fiskal dan dasar kewangan negara.
(5 markah)
- (b) Apabila terdapat jurang inflasi atau deflasi yang besar, kerajaan boleh mengambil langkah fiskal yang sesuai untuk mengatasi peningkatan paras harga atau pengangguran. Terangkan bagaimana langkah ini dilaksanakan.
(5 markah)
- S7 Aktiviti utama bank perdagangan ialah penciptaan kredit. Proses ini bermula apabila pelanggan membuat deposit di bank sama ada dalam bentuk tunai atau cek dan bank menggunakan deposit berkenaan sebagai pinjaman kepada individu dan korporat.
- (a) Terangkan secara ringkas bagaimana bank perdagangan mencipta kredit dengan memberi pinjaman kepada individu dan korporat.
(4 markah)
- (b) Terangkan bagaimana Bank Pusat mempengaruhi penciptaan kredit dalam ekonomi melalui tiga instrumen kewangan utama.
(6 markah)

S8 Kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah mengambil beberapa pendekatan bagi mengawal inflasi akibat daripada permintaan makanan asas dan runcit yang tinggi terutamanya pada musim perayaan. Antara barangan yang terlibat ialah daging lembu, ikan, daging ayam, udang putih, telur, gula, cili merah dan sayuran.

Bincangkan kaedah kerajaan melaksanakan pendekatan Kawalan Secara Langsung tanpa ada unsur diskriminasi bagi mengawal inflasi pada musim perayaan.

(10 markah)

S9 (a) "Imbangan perdagangan didefinisikan sebagai eksport tolak import. Halangan perdagangan pula akan menurunkan import. Oleh itu, halangan perdagangan akan membantu memperbaiki imbangan perdagangan." Bincangkan pernyataan di atas berdasarkan justifikasi penggunaan tarif dalam perdagangan antarabangsa.

(7 markah)

(b) Terangkan mengapa halangan perdagangan lebih kerap digunakan ketika ekonomi meleset berbanding ekonomi berkembang.

(3 markah)